

Pentadbiran Undang-undang Jenayah Islam Di Malaysia

Prof. Madya Paizah Hj. Ismail

Abstract

The administration of muslim criminal law in Malaysia is under the jurisdiction of individual states of the Federation as provided by schedule 9 (2) of the constitution. The jurisdiction, however, is very limited in nature compared to that given to the civil court of the Federation. This article studies the jurisdiction, laws and criminal offences in the states.

Mukadimah

Secara umumnya, membicarakan tentang hukum-hukum mengenai jenayah Islam bererti membicarakan tentang suatu konsep atau aspek hukum yang luas dan besar. Kerana ia akan menyentuh setiap perbuatan manusia samada yang menggugat nyawa atau tubuh badan manusia, harta benda, marwah, keturunan dan lain-lain, dan samada yang menyentuh hak individu atau hak masyarakat umum.

Untuk menghuraikan konsep jenayah dalam suatu pengertian yang mencakupi dalam hukum Islam suatu kerja yang agak sukar. Dalam penulisan-penulisan lama

hukum Islam tidak terdapat huraian-huraian mengenai konsep jenayah ini secara menyeluruh.

Apa yang kita dapati dalam penulisan-penulisan tersebut ialah huraian-huraian mengenai beberapa konsep asas lain yang lebih kecil dan kurang menyeluruh, walaupun secara umumnya para fuqaha' bersetuju bahawa konsep-konsep tersebut perlu bercantum di bawah suatu konsep yang sama dan lebih besar iaitu "Jenayah". Konsep-konsep yang dimaksudkan itu ialah Qisas dan Diat, Hudud dan Ta'zir.

Kesalahan-kesalahan hudud telah didefinisikan oleh para fuqaha' sebagai kesalahan yang bentuk dan kesiksaannya telah ditetapkan oleh syarak dan dilaksanakan bagi tujuan menjaga hak Allah.¹ Secara umumnya ia merupakan kesalahan-kesalahan atau perbuatan jahat yang menyentuh kepentingan umum masyarakat, iaitu:

1. Kesalahan zina
2. Kesalahan Qazaf
3. Kesalahan minum arak
4. Kesalahan mencuri
5. Kesalahan merompak dan menyamun
6. Kesalahan memberontak
7. Kesalahan murtad

Manakala kesalahan-kesalahan Qisas dan Diat pula, ialah kesalahan-kesalahan yang bentuk dan kesiksaannya telah ditentukan oleh syarak dan dilaksanakan bagi tujuan menjaga kepentingan individu.² Dengan kata lain, ia merupakan kesalahan yang menyentuh hak individu dan akan dihukum dengan kesiksaan atau hukuman yang telah ditentukan secara detail oleh syarak. Secara umumnya kesalahan-kesalahan Qisas dan Diat ini merangkumi kesalahan yang menyentuh nyawa dan tubuh badan seseorang, seperti membunuh dan mencederakan.

Manakala kesalahan ta'zir pula ialah kesalahan yang bentuk dan hukumannya tidak ditentukan secara detail oleh syarak dan dilaksanakan sama untuk menjamin kepentingan individu atau kepentingan masyarakat dalam semua kes yang selain daripada kes-kes Hudud dan Qisas.³ Ini bererti kesalahan-kesalahan ta'zir itu adalah kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman atau kesiksaan yang akan ditentukan oleh pemerintah atau mahkamah dari masa ke masa mengikut kepentingan yang perlu dijaga. Ia merupakan suatu bidang yang luas, yang mencakupi semua kesalahan jenayah kecuali yang termasuk di dalam kesalahan-kesalahan Hudud dan kesalahan Qisas dan Diat.

Pentadbiran Undang-undang Jenayah di Malaysia

Walaupun undang-undang jenayah Islam suatu undang-undang yang luas dan menyeluruh kerana ia meliputi semua perbuatan salah yang lahir dari perlakuan dan tindak tanduk seseorang, namun di Malaysia hal-hal mengenainya telah dibahagikan kepada dua bahagian. Setiap bahagian diurus dan ditadbirkan oleh badan yang berasingan dan dengan bidangkuasa yang berlainan serta berbeza pula. Badan-badan tersebut ialah Mahkamah awam (Sivil) dan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Hierarki dan Bidangkuasa Mahkamah-mahkamah Awam di Malaysia

Dalam susunan hierarki Mahkamah-mahkamah Awam di Malaysia mahkamah terendah sekali yang berhubung dengan perkara jenayah ialah Mahkamah Penghulu. Ini diikuti oleh Mahkamah Majistret Kelas Kedua dan kemudiannya Mahkamah Majistret Kelas Pertama. Seterusnya ialah Mahkamah Sesyen. Kesemua mahkamah-mahkamah ini disebut sebagai Mahkamah Rendah.⁴ Kemudian diikuti pula oleh Mahkamah Tinggi. Yang teratas sekali dalam hierarki ini ialah Mahkamah Agong.

Dari segi pelaksanaannya, mahkamah-mahkamah berkenaan mempunyai bidangkuasa yang berbeza dalam perkara-perkara jenayah berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang wujud dalam perlembagaan Persekutuan, Akta Mahkamah Kehakiman, Akta Mahkamah Rendah dan Undang-undang lain yang berkuatkuasa. Dalam perlembagaan persekutuan, mahkamah yang diperuntukkan adalah Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agong, dan dalam Akta Mahkamah Rendah, Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Penghulu. Mahkamah jenayah lain termasuk Mahkamah Juvana.

Walaupun dari segi pelaksanaannya, bidangkuasa mahkamah-mahkamah tersebut berbeza, namun secara umumnya, apa yang disebut sebagai Mahkamah Awam ini adalah mempunyai bidangkuasa yang luas sekali dalam perkara-perkara jenayah. Ini dapat dilihat dengan jelas terutama sekali pada bidangkuasa jenayah Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agong selaku Mahkamah Tertinggi dalam hierarki Mahkamah Awam. Seksyen 22 *Akta Mahkamah Kehakiman* telah memperuntukkan bidangkuasa asal Mahkamah Tinggi, di mana ia boleh membicarakan:

- (a) Semua kesalahan yang dilakukan:
 - (i) dalam bidangkuasa tempatannya;
 - (ii) di laut lepas di atas mana-mana kapal atau kapal terbang yang terdaftar di Malaysia;
 - (iii) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di atas mana-mana kapal atau di atas mana-mana kapal terbang;
 - (iv) oleh mana-mana orang di laut lepas di mana kesalahan itu ialah kesalahan perlanunan oleh undang-undang antarabangsa; dan
- (b) Kesalahan di bawah bab VI Kanun Kesiksaan dan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam jadual Extra Territorial Offences Act. 1976, atau Kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain di mana perbuatan jenayah itu disahkan oleh Peguam Negara sebagai menyentuh keselamatan persekutuan yang berkenaan, mengikut keadaan-keadaannya:
 - (i) dilaut lepas di atas mana-mana kapal atau mana-mana kapal terbang terdaftar di Malaysia
 - (ii) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di atas mana-mana kapal atau atas mana-mana kapal terbang; atau

- (iii) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di mana-mana tempat tanpa had dan di luar had Malaysia.⁵

Mahkamah Tinggi juga boleh menjatuhkan apa jua hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang. Biasanya, kes-kes yang membawa hukuman mati dibicarakan di Mahkamah Tinggi, sama oleh Hakim bersidang seorang diri atau oleh Hakim dengan bantuan pengapit atau juri.⁶

Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia

Sebagaimana yang diketahui di tiap-tiap negeri di Malaysia terdapat Mahkamah-mahkamah Syariah. Mahkamah-Mahkamah ini ditubuhkan di bawah Enakmen-Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang berkenaan. Pada masa ini Enakmen-Enakmen bagi negeri-negeri tersebut seperti berikut:

1. Kedah

- (i) *Enakmen Pentadbiran undang-undang Islam, Kedah 1978*
- (ii) *Enakmen Mahkamah Syariah, Kedah 1983*
- (iii) *Enakmen Keluarga Islam, Kedah 1984*
- (iv) *Enakmen Atur Cara Mal Islam, Kedah 1984*
- (v) *Enakmen Kanun Jenayah Syariah, Kedah 1988*

2. Kelantan

- (i) *Undang-undang Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan 1966.*
- (ii) *Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, Kelantan 1982*
- (iii) *Enakmen Keluarga Islam, Kelantan 1983*
- (iv) *Enakmen Acara Jenayah Syariah, Kelantan 1983*
- (v) *Enakmen Kanun Jenayah Syariah, Kelantan 1985*

3. Pahang

- (i) *Enakmen pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu, Pahang 1982*
- (ii) *Enakmen Keluarga Islam (Pindaan), Pahang 1987*

4. Negeri Sembilan

- (i) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Negeri Sembilan 1983*
- (ii) *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, Negeri Sembilan 1990.*

5. Selangor

- (i) *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, Selangor 1952.*
- (ii) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Selangor 1984.*

6. Wilayah Persekutuan

- (i) *Akta Pentadbiran Hukum Syarak, Wilayah Persekutuan 1974*
- (ii) *Akta Undang-undang Keluarga Islam, Wilayah Persekutuan 1984*
- (iii) *Kanun Acara Mal Mahkamah Syariah, Wilayah Persekutuan 1986*
- (iv) *Kanun Acara Jenayah Mahkamah Syariah, Wilayah Persekutuan 1986.*

7. Terengganu

- (i) *Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu 1985*
- (ii) *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, Terengganu 1986*
- (iii) *Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, Terengganu 1989*

8. Melaka

- (i) *Enakmen Pentadbiran Ugama Islam, Melaka 1959*
- (ii) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Melaka 1983*
- (iii) *Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, Melaka 1985*

9. Sarawak

- (i) *Ordinan Majlis Islam (Penubuhan) Sarawak 1977*
- (ii) *Ordinan Mahkamah Syariah, Sarawak 1991*
- (iii) *Ordinan Undang-undang Keluarga Islam, Sarawak 1991*
- (iv) *Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah, Sarawak 1991*

10. Perak

- (i) *Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Perak 1965*
- (ii) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Perak 1984*

11. Pulau Pinang

- (i) *Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam, Pulau Pinang 1959*
- (ii) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam, Pulau Pinang 1985*

Dari segi hierarki, Mahkamah Syariah terdiri daripada Mahkamah Kadi,

Mahkamah Kadi Besar dan Lembaga Rayuan. Mahkamah-mahkamah ini mempunyai bidangkuasa dalam kes-kes jenayah. Bidangkuasa jenayah meliputi perbicaraan semua kesalahan yang diperuntukkan oleh enakmen yang berkenaan. Lazimnya kesalahan yang membawa hukuman ringan di bicarakan oleh Mahkamah Kadi, sementara kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman yang berat di bicarakan oleh Mahkamah Kadi Besar. Rayuan daripada kedua-dua mahkamah ini akan didengar oleh Lembaga Rayuan.

Mahkamah Syariah dikehendaki mengikuti kaedah-kaedah undang-undang keterangan Islam mengenai bilangan status dan mutu saksi-saksi. Di samping itu, Mahkamah Syariah juga dikehendaki memberi perhatian kepada undang-undang keterangan yang sedang berkuatkuasa.⁷

Enakmen-enakmen berkenaan menyenaraikan pelbagai kesalahan yang diletakkan dibawah bidangkuasa Mahkamah Syariah. Secara umumnya kesalahan-kesalahan tersebut boleh dibahagikan kepada enam kategori:

- (a) Kesalahan-kesalahan matrimoni, seperti menganiaya isteri dan tidak taat kepada suami.
- (b) Kesalahan-kesalahan berhubung dengan seks, seperti persetubuhan haram, khalwat, berlaku sumbang dan melacur
- (c) Kesalahan-kesalahan berhubung dengan akidah dan keimanan, seperti tidak sembahyang Jumaat, tidak membayar zakat dan fitrah dan tidak berpuasa.
- (d) Kesalahan-kesalahan berhubung dengan minuman keras, seperti menjual dan membeli.
- (e) Kesalahan-kesalahan berhubung dengan menukar agama seperti tidak melapor dan mendaftar masuk dan keluar daripada agama Islam dan kesalahan mengenai pengambilan anak angkat.
- (f) Pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas.

Pembahagian ini berdasarkan kepada peruntukan yang diberi oleh perlembagaan persekutuan. Jadual Kesembilan Senarai 2 - Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan sebagai pecahan di dalam kuasa negeri:

"Hukum syarak dan Undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam termasuk hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf dan ta'rif serta mengenai amanah dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan. Kesemuanya sekali dalam negeri, adat istiadat Melayu, zakat fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya, masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam,

mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam senarai persekutuan; perlembagaan, organisasi dan prosedur mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan, mengawal pengembangan 'itikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam, menentukan perkara-perkara hukum syarak dan 'itikad dan adat istiadat Melayu."

Berdasarkan kepada peruntukan di atas Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa jenayah yang amat terbatas. Ia tidak boleh mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan dan terhad kepada orang-orang Islam sahaja. *Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965* memperuntukkan bahawa bidangkuasa Mahkamah Syariah hanya boleh dijalankan berhubung dengan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara untuk suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau apa-apa denda tidak melebihi \$1,000 atau kedua-duanya. Bagaimanapun peruntukan ini telah dipinda dalam tahun 1984. Di bawah pindaan tersebut bidangkuasa Mahkamah Syariah diperluaskan dengan membenarkan mahkamah tersebut menjatuhkan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda sehingga \$5,000 ringgit atau sebat enam rotan atau gabungan kedua-dua hukuman itu.

Terdapat beberapa negeri di Malaysia telah meminda hukuman bagi kesalahan jenayah syariah mengikut peruntukan *Akta Mahkamah syariah (Bidangkuasa Jenayah) pindaan 1984* ini. Antara negeri-negeri tersebut ialah negeri Kelantan, Kedah, Sarawak, Terengganu dan Wilayah Persekutuan.

Kesalahan-kesalahan Jenayah Di Bawah Undang-undang Mahkamah Syariah Di Malaysia

Secara umumnya kesalahan-kesalahan jenayah syariah diperuntukkan di bawah undang-undang pentadbiran Mahkamah Syariah di tiap negeri. Namun, seperti yang disebut di atas tadi kebanyakan negeri telah mengemaskini pentadbiran Mahkamah Syariah dengan meminda undang-undang mahkamah kepada beberapa enakmen tertentu secara berasingan.

Peruntukan bagi kesalahan-kesalahan jenayah Syariah boleh dilihat dalam enakmen-enakmen berikut:

(1) Kedah

- (i) *Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988*
- (ii) *Enakmen Keluarga Islam 1979*

(2) Johor

- (i) *Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1979*
- (ii) *Enakmen Keluarga Islam 1990*

(3) Pahang

- (i) *Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu, Pahang 1982*
- (ii) *Enakmen Keluarga Islam (pindaan) 1987*

(4) Kelantan

- (i) *Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985*
- (ii) *Enakmen Keluarga Islam 1983*
- (iii) *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (pindaan) 1986*

(5) Negeri Sembilan

- (i) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983.*
- (ii) *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak, Negeri Sembilan 1990.*

(6) Selangor

- (i) *Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 1952*
- (ii) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1984*

(7) Perak

- (i) *Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1965*
- (ii) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1984*

(8) Terengganu

- (i) *Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam, Terengganu 1985*
- (ii) *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, Terengganu 1986*

(9) Perlis

- (i) *Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, Perlis 1964*

(10) Pulau Pinang

- (i) *Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam 1959*
- (ii) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1985*

(11) Melaka

- (i) *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1959*
- (ii) *Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1983*

(12) Sabah

- (i) *Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1977*

(13) Sarawak

- (i) *Ordinan Undang-undang Keluarga Islam 1991*
- (ii) *Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 1991*

(14) Wilayah Persekutuan

- (i) *Akta Undang-undang Keluarga Islam 1984*
- (ii) *Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1956*

Secara umumnya, kesalahan-kesalahan jenayah yang diperuntukkan dalam enakmen-enakmen berkenaan adalah terlalu sedikit dan kecil bilangannya. Begitu juga dengan peruntukan hukumannya. Ia tidak boleh disebut sebagai satu peruntukan yang menyeluruh dan menepati dengan pengertian jenayah dalam Islam sebenarnya. Ini kerana, kesalahan-kesalahan jenayah dalam Islam sepertimana dijelaskan di awal tulisan ini adalah terlalu luas skopnya. Ia merangkumi setiap perbuatan salah yang dilakukan oleh seseorang, samada yang menyentuh nyawa dan tubuh badan atau dalam istilah undang-undang jenayah Islam disebut sebagai kesalahan Qisas dan Diat, atau menyentuh harta benda dan maruah seperti merompak, mencuri, berzina dan lain-lain atau disebut sebagai kesalahan Hudud, dan lain-lain kesalahan yang disebut sebagai kesalahan Ta'zir.

Namun, dari apa yang kita lihat pada peruntukan-peruntukan yang tersenarai dalam enakmen-enakmen berkenaan, sebahagian besarnya tergolong dalam kategori kesalahan Ta'zir dan sebahagian kecilnya tergolong dalam kategori kesalahan Hudud seperti zina, murtad, Qazaf dan minum arak. Tidak ada satu peruntukan pun yang

boleh disebut sebagai kesalahan Qisas. Walaupun terdapat satu peruntukan bagi kesalahan menganiayai isteri, namun ia terlalu umum untuk disebut sebagai kesalahan Qisas dan Diat.

Begitu juga dengan peruntukan hukuman bagi setiap kesalahan jauh dari menepati hukuman sebenar yang disyariatkan oleh agama Islam. Hukuman denda paling tinggi yang terdapat dalam enakmen-enakmen berkenaan ialah denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan penjara tidak lebih dari tiga tahun. Peruntukan ini boleh dilihat dalam beberapa enakmen-enakmen negeri-negeri seperti berikut:

Kelantan

- (i) *Kanun Jenayah Syariah 1985*, iaitu bagi kesalahan zina, liwat dan minuman yang memabukkan.⁸
- (ii) *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1986* (pindaan). Iaitu bagi kesalahan pengajaran yang berlawanan dengan hukum syarak.⁹

Terengganu

- (i) *Enakmen pentadbiran Hal Ehwal Islam 1986* iaitu bagi kesalahan menyimpan wang dengan tidak ada sebab-sebab, pungutan salah untuk maksud-maksud khairat, melanggar sekatan bagi mendirikan atau menggunakan mana-mana bangunan sebagai masjid atau melarang penggunaannya, sembang Jumaat di tempat-tempat yang tidak dibenarkan, ajaran palsu dan membuat atau mengeluarkan apa-apa fatwa mengenai agama Islam atau hukum syarak.¹⁰

Sarawak

- (i) *Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 1991*

Peruntukan hukuman ini boleh dilihat pada seksyen-seksyen berikut:

- (1) Seksyen 10 - bagi kesalahan persetubuhan haram
- (2) Seksyen 12 - bagi kesalahan persetubuhan di luar tabii.
- (3) Seksyen 13 - bagi kesalahan liwat
- (4) Seksyen 15 - bagi kesalahan hamil dan melahirkan anak diluar nikah.
- (5) Seksyen 18 (1)(2) bagi kesalahan melacurkan isteri atau anak
- (6) Seksyen 20 - bagi kesalahan anak dara lari daripada jagaan ibu bapa atau penjaganya.
- (7) Seksyen 22 - bagi kesalahan menjadi muncikari
- (8) Seksyen 23 - bagi kesalahan menganjur atau menggalakkan mana-mana orang melakukan apa-apa pekerjaan maksiat
- (9) Seksyen 25 - bagi kesalahan minuman yang memabukkan.

- (10) Seksyen 31 - bagi kesalahan mengajar ajaran atau perbuatan salah
- (11) Seksyen 39 - bagi kesalahan pendudukan menyalahi undang-undang dan lain-lain tanah majlis
- (12) Seksyen 41 - bagi kesalahan mengeluarkan atau mengalih bahan-bahan batu tanah majlis secara menyalahi undang-undang.

Kedah

- (i) *Enakmen Kanun Jenayah Syariah* 1988. Peruntukan seperti itu boleh dilihat pada seksyen-seksyen berikut:
 - (1) Seksyen 11 - bagi kesalahan zina
 - (2) Seksyen 15 - bagi kesalahan liwat
 - (3) Seksyen 24 - bagi kesalahan takfir
 - (4) Seksyen 25 - bagi kesalahan minuman yang memabukkan.

Wilayah Persekutuan

- (i) *Akta pentadbiran undang-undang Islam Wilayah Persekutuan* 1986.

Peruntukan seperti itu boleh dilihat pada seksyen- seksyen berikut:

- (1) Seksyen 87 - bagi kesalahan zina
- (2) Seksyen 88 - bagi kesalahan *taqarrub* (permulaan kepada melakukan zina atau persetubuhan haram)
- (3) Seksyen 91 - bagi kesalahan liwat
- (4) Seksyen 93 - bagi kesalahan mengajar ajaran salah
- (5) Seksyen 98 - bagi kesalahan murtad
- (6) Seksyen 99 - bagi kesalahan takfir
- (7) Seksyen 102 - bagi kesalahan minum arak atau sebarang minuman yang memabukkan
- (8) Seksyen 103 - bagi kesalahan mengajar ugama tanpa kebenaran

Seperti yang dijelaskan di atas, terdapat beberapa negeri di Malaysia yang telah membuat pindaan terhadap pentadbiran Mahkamah Syariahnya, iaitu dengan memperuntukkan hukuman sebat dalam enaknya sesuai dengan kelulusan yang diberikan oleh *Akta Mahkamah Syariah (pindaan)* 1984. Negeri-negeri tersebut ialah Kelantan dan Wilayah Persekutuan.

Dalam *Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan* 1985, peruntukan hukuman sebat ini boleh dilihat pada kesalahan-kesalahan berikut:

- (1) Zina (sek. 11) sebanyak enam kali sebat.
- (2) Muqaddimah Zina (sek. 12) sebanyak 3 kali sebat

- (3) Liwat (sek. 14) sebanyak enam kali sebat
- (4) Kesalahan minuman yang memabukkan (sek. 25) sebanyak enam kali sebat.

Dalam *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan* (pindaan) 1986 pula hukuman sebat ini diperuntukkan bagi kesalahan mengajar pengajaran yang berlawanan dengan hukum syarak. Namun enakmen ini tidak menyatakan bilangan sebat yang patut dikenakan. Seksyen 69 enakmen ini menyebut:

"Barangsiapa mengajar atau memberi penerangan mengenai apa-apa pengajaran ugama Islam atau membuat apa-apa istiadat atau perkara dengan apa-apa jalan yang berlawanan dengan hukum syarak atau mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh majlis adalah melaku suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan juga boleh disebat."

Manakala dalam *Akta Pentadbiran undang-undang Islam* (Wilayah Persekutuan) 1986 pula peruntukan hukuman sebat ini boleh dilihat pada kesalahan-kesalahan berikut:

- (1) Zina (sek. 87) sebanyak enam kali rotan
- (2) Taqarrub (sek. 88) (permulaan melakukan zina) sebanyak enam kali rotan
- (3) Qazaf (sek. 89) sebanyak enam kali.
- (4) Liwat (sek. 91) sebanyak enam kali rotan
- (5) Kesalahan minum arak (sek. 102) sebanyak enam rotan

Begitulah peruntukan hukuman sebat yang hanya boleh dilihat dalam dua enakmen negeri sahaja iaitu Kelantan dan Wilayah Persekutuan.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada tinjauan di atas, dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa apa yang disebut sebagai kesalahan jenayah Islam di Malaysia ini terlalu sedikit. Ia terbatas kepada beberapa jenis kesalahan tertentu yang diletak di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah di tiap-tiap negeri di Malaysia. Mahkamah Syariah hanya berhak mentadbir dan membicarakan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam enakmennya sahaja. Apa-apa kesalahan yang tidak tersenarai dalam enakmen mahkamah maka ia termasuk di bawah bidangkuasa Mahkamah Awam. Mahkamah Awam mempunyai bidangkuasa yang amat luas dalam perkara-perkara jenayah. Ia juga boleh menjatuhkan hukuman paling tinggi sehingga sampai kepada hukuman mati.

Kedudukan ini memperlihatkan kepada kita akan perbezaan di antara kedua-dua Mahkamah ini, samada dari segi pentadbiran dan bidangkuasanya atau dari segi pelaksanaannya.

Nota Kaki

1. Al-Kasani, *Bada'i*, jld. 7, ms. 5663; Ibnu Abidin, *Hasyiah*, jld. 4, ms. 3.
2. Al-Zaila'i, Jabyin al-Haqaiq, jld. 6, ms. 97, Ibnu Rusd, *Bidayah*, jld. 2, ms. 330, al-Mawardi, *Ahkam al-Sultaniyyah*, ms. 219.
3. Al-Mawardi, *Ibid*, ms. 205, al-Kasani, *op.cit*, jld. 7, ms. 63, al-Ansari, *Asna al-Mutalib*, jld. 4, ms. 161.(4) Seksyen 3(2) Akta Mahkamah Rendah 1948.
4. Seksyen 3(2) Akta Mahkamah Rendah 1948.
5. Ahmad Ibrahim (Prof.) *Sistem Undang-undang di Malaysia*, ms. 248-249, cetakan pertama
6. Mimi Kamariah Majid, *Pentadbiran Keadilan Jenayah di Malaysia*, ms. 6.
7. Prof. Ahmad Ibrahim, *op.cit*, ms. 315
8. Kanun Jenayah Syariah Negeri Kelantan 1983, Sek. 11, 14 dan 25(1).
9. *Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1986* (pindaan) sek. 69.
10. *Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1986*, Sek, 194, 195, 198, 204 dan 205.